

Program Komuniti Ambank-MyKasih

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Kumpulan AmBank melancarkan Program Komuniti Ambank-MyKasih buat kali pertama di Johor bagi membantu 100 keluarga di negeri itu dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM104,000 setahun.

Berucap dalam majlis pelancaran program tersebut di Pasir Gudang, Sabtu lalu, Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim berkata, program ini merupakan antara tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat dalam memainkan peranan yang berkesan sebagai sebuah korporat yang prihatin.

Katanya, sejak dilancarkan pada November 2009, program ini telah membantu 2,291 keluarga di 15 lokasi

terpilih di seluruh negara melibatkan peruntukan RM1 juta setahun.

"Kumpulan AmBank sangat gembira diberi peluang sebegini untuk menyertai dalam projek komuniti yang memenuhi keperluan sebenar dan dalam pada masa yang sama, memberi manfaat yang berkekalan kepada penerima bantuan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Lokasi terpilih adalah Sentul dan Cheras (Kuala Lumpur); Rifle Range dan Bayan Baru (Pulau Pinang); Pandan Jaya, Klang, dan USJ (Selangor); Tambun, Perak, Ayer Keroh (Melaka); Kuala Krai dan Kota Bharu (Kelantan); Kuala Terengganu (Terengganu); Menggatal dan Sandakan (Sabah) dan Kuching (Sarawak).